

Menjenamakan Malaysia

Oleh MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH

MALAYSIA pernah dijenamakan sebagai negara pertanian pada awal sejarah penubuhannya. Ini diperkuatkan lagi dengan Rancangan Buku Hijau, kewujudan Felda, Felcra, RISDA, PORIM dan lain-lain badan dan agensi yang bertanggungjawab sebagai badan pelaksana, perancang dan juga pemberi input dari segi kepakaran dan teknologi untuk rancangan pertanian bersepadu di seluruh negara.

Namun adakah negara kita akan maju jika masih dijenamakan sebagai sebuah negara pertanian, mahupun sebagai sebuah negara tempat persinggahan barangan sebelum menjadi suatu produk lengkap? Tidak ada ertinya kemerdekaan jika kita maju dalam acuan yang ditentukan oleh orang lain.

Kita perlu membina suatu empayar ekonomi yang disegani yang akan menaungi negara-negara yang lain. Malaysia perlu menjadi tempat rujukan dalam pelbagai aspek, baik dari segi pembangunan, pendidikan, sosial, agama dan lain-lain bidang yang dapat membantu keamanan dan kestabilan sejagat.

Negara kita amat bertuah kerana dasar-dasar yang diamalkan oleh kerajaan merentas zaman dan juga merentas batasan kaum dan agama.

Lima puluh tahun yang akan mendatang, bagaimanakah kita ingin menceritakan kepada generasi akan datang mengenai lima puluh tahun yang telah berlalu. Adakah, ketika kita menyambut kemerdekaan ke-100 pada 2057, masyarakat pada zaman tersebut akan kenal Bapa Kemerdekaan dan Bapa Pembangunan Malaysia?

Adakah Malaysia akan dijenamakan sebagai negara pengeluar modal insan kelas pertama? Adakah Malaysia pada zaman tersebut maju dan merdeka dalam acuan kita sendiri? Adakah pada masa tersebut masyarakat kita sudah merdeka dari segi penguasaan ilmu tanpa sempadan?

Lima puluh tahun yang telah berlalu sebenarnya adalah penentu kepada lima puluh tahun akan datang.

Malaysia perlu mempunyai modal insan yang berhemah, berkualiti, dan berpandangan jauh jika ingin memastikan untuk lima puluh tahun akan datang negara kita tidak akan dijajah dalam apa jua bentuk. Mungkin pada masa itu, kita akan menjajah ekonomi dunia, sejarah peradaban dunia, dan mencorak perjalanan sosial dunia.

Perjalanan yang jauh bermula dengan langkah pertama. Langkah pertama kanak-kanak adalah langkah yang manis, namun digeruni oleh para ibu bapa kerana takut kemungkinan anak tersebut akan jatuh.

Malaysia patut menjadi anak yang akan mengambil langkah pertama tanpa gentar sambil membantu rakan-rakan lain bertatih kerana untuk lima puluh tahun akan datang, Malaysia akan menjadi 'kekanda' kepada negara-negara lain.

□ MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH ialah Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.